

UA perlu segera luluskan kursus baharu berkait teknologi tinggi

PM mahu universiti ketepi birokrasi tarik kemasukan industri secara lebih agresif

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu universiti awam memastikan disiplin ilmu atau program pengajian baharu berkait teknologi tinggi diluluskan dengan cepat, bukan lagi sehingga setahun atau lebih kerana perlu melalui pelbagai prosedur.

Perdana Menteri berkata, beliau melihat tiada disiplin atau program akademik baharu boleh diperkenalkan dalam masa sebulan kerana perlu melalui peringkat jabatan, senat dan lembaga universiti serta akhirnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Berdasarkan pengalaman peribadi dengan universiti, sama ada sebagai pelajar atau pensyarah, Anwar memberi contoh, kebimbangan untuk memulakan fakulti kecerdasan buatan (AI) misalnya, adalah mengenai birokrasi dan perancangan yang mengambil masa terlalu lama.

"Birokrasi ini sangat ketat, ini adalah cabaran besar. Disiplin baharu mesti diluluskan dengan

cepat, pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Kita perlukan dorongan yang sewajarnya," katanya.

Menekankan demikian ketika berucap merasmikan Penang Silicon Design @5km+, di sini semalam, beliau berkata, pengurusan universiti seharusnya menumpukan disiplin ilmu baharu dengan kadar cepat dan memberi ruang mencukupi bagi menggalakkan kemasukan industri secara lebih agresif.

Tambahnya, universiti di utara tanah air seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pusat berkaitan di Pulau Pinang, Perak dan Kedah, boleh digunakan untuk tujuan berkenaan.

Perdana Menteri berkata, perlu ada sinergi kukuh di antara institusi pengajian tinggi (IPT) dan sektor industri dan dalam konteks Pulau Pinang, ia bagi membantu usaha mengangkat negeri ini menjadi hab semikonduktor yang lebih signifikan serta terkemuka di dunia.

"Kita perlu merujuk kepada universiti, perlu ada sinergi dengan sektor swasta dan industri.

"Saya fikir Pulau Pinang telah memulakan inisiatif ini sejak dahulu, tetapi sekarang kita perlu beri ruang, universiti mesti beri ruang mencukupi untuk industri masuk dengan cara lebih agresif," katanya.

Menurutnya, usaha menjadikan negara sebagai pusat industri berteknologi tinggi, hab semikonduktor dan kini inovasi reka bentuk lebih mencabar dan memerlukan peningkatan kema-



Anwar berbual dengan pelajar PhD Cedec Universiti Sains Malaysia, Dr Norhamizah Idros ketika melawat pameran pada Majlis Perasmian Penang Silicon Design @5km+ di Bayan Lepas, semalam. (Foto Mikaili ong/BH)

hiran melibatkan semua institusi berkaitan.

Anwar memuji pencapaian Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berjaya meluluskan dan memulakan program Fakulti AI dalam tempoh empat bulan, menyifatkannya sebagai rekod luar biasa di negara ini.

Universiti perlu sesuai diri

Justeru, beliau menggesa universiti lain, terutama yang mempunyai tradisi lebih lama mencipta rekod pencapaian lebih baik dalam menyesuaikan diri dan memper-

kenalkan program baharu seperti yang diperlukan industri.

Tambahnya, pengiktirafan dan pelaksanaan program akademik baharu yang sejajar dengan keperluan industri tanpa mengabaikan elemen nilai, perpaduan dan kemanusiaan, tidak boleh bersifat utilitarian semata-mata.

"Harus seimbang dengan keperluan negara dalam aspek perpaduan dan toleransi.

"Ini memerlukan kepimpinan dalam bidang ini untuk melatih tenaga kerja kita. Kita tidak punya cukup jurutera dan perlu me-

latih semula mereka.

"Universiti perlu memainkan peranan dalam hal ini. Bukan sahaja jurutera, tetapi meningkatkan kemahiran untuk mematuhi tuntutan dan keperluan industri dari segi reka bentuk dan inovasi dalam bidang berteknologi tinggi," katanya.

Perdana Menteri berpandangan, tidak sukar menarik pelabur datang ke Malaysia kerana negara mempunyai politik stabil dan dasar jelas, selain ekosistem serta pelaksanaan infrastruktur yang diperlukan.